



**LITTLE INDIA**  
**JEJAK WARISAN**

» TEROKA WARISAN BERSAMAI KITA

Disokong oleh

**National Heritage Board**

**mccy**  
Ministry of Culture, Community and Youth



## SARANAN JEJAK TEMATIK

Dikenali sebagai Serangoon sebelum tahun 1980-an, kawasan Little India menggabungkan yang lama dan yang baharu, di mana perdagangan dahulu kala duduk sekawasan dengan perniagaan moden. Menerusi tiga jejak di bawah ini, terokaiah kekayaan dan kepelbagaiannya sejarah, budaya, agama dan perdagangan di dalam kawasan bersejarah berwarna-warni ini.



### Serangoon pada tahun 1900-an

40 minit

Awal abad ke-20 merupakan detik penting yang membentuk Little India pada hari ini. Pada zaman itu, pendatang dari India, China dan Britain menetap di kawasan tersebut dan menubuhkan pelbagai perdagangan dan institusi. Ikuti jejak ini sambil meneroka kawasan Little India yang kaya dengan sejarah.



Mulakan perjalanan anda dari **Pusat Warisan India** untuk mendapatkan gambaran keseluruhan berkenaan sejarah masyarakat India di Singapura. Kemudian jalan sepanjang Serangoon Road dan seberang ke Kerbau Road, nama jalan yang merujuk kepada kerbau-kerbau yang ditembak di kawasan ini pada tahun 1900-an.



Berjalan di sepanjang jalan ini, anda akan menemui rumah berwarna-warni yang pernah dimiliki **Tan Teng Niah**. Satu-satunya vila Cina yang masih berdiri di Little India, ia peninggalan legasi semasa industri kecil Cina berkembang pesat di samping perdagangan lembu yang kebanyakannya dikuasai penduduk India di sini.



Pusing ke belakang dan berjalan ke arah Belilius Lane, di mana anda akan melihat sebuah mural besar berjudul **Pekerjaan Tradisional Little India** yang dihasilkan oleh Psyfool. Teruskan perjalanan ke arah Belilius Road dan belok kanan ke **Kuil Sri Veeramakaliamman** yang dibina oleh pekerja Tamil yang bekerja di kuari batu kapur di kawasan ini. Dari sini, belok kiri ke Serangoon Road dan kiri sekali lagi ke Race Course Lane.



Jika anda lapar atau ingin berhat, teruskan perjalanan ke **Tekka Centre**, bangunan baru yang menggantikan Pasar Tekka, yang sebelum ini terletak di seberang jalan dan pernah dianggap sebagai "pasar rakyat". Di sini anda boleh menikmati makanan tempatan, atau membeli daging segar untuk dimasak di rumah. Jika anda mahu pulang ke rumah, stesen MRT Little India terletak tidak jauh dari situ.



## Jejak pusat beribadah

1 jam

Kawasan Little India mempunyai pelbagai ruang keagamaan. Institusi ini menjangkau kesemua kumpulan etnik dan agama utama di Singapura. Jejak ini memberikan peluang mengenali ruang, seni bina dan amalan agama berbeza yang ada di Singapura.

(Nota: Kebanyakan institusi ini terbuka kepada orang ramai tetapi pastikan anda mematuhi arahan berkeraan tingkah laku dan pakaian yang sesuai.)



Mulakan perjalanan anda di **Masjid Abdul Gafoor** yang indah di Dunlop Street. Ia merupakan salah satu masjid tertua di Singapura dan juga sebuah Monumen Negara. Jika anda ingin memasuki masjid ini, pastikan anda berpakaian sopan dan tanggalkan kasut anda.

Dari sini, hala ke Perak Road untuk melawati gereja Anglican, **Church Of The True Light**, yang semasa awal permulaannya dahulu, berkhidmat terutamanya untuk penarik beca Cina. Di hujung Perak Road, belok kiri ke Upper Weld Road dan kemudian ke kanan untuk pergi ke Kampung Kapor Road. Di sini anda akan melihat **Gereja Methodist Kampong Kapor** yang mempunyai seni bina yang berbeza. Ia dibina sekitar zaman yang sama tetapi ditubuhkan untuk kaum Cina Selatan atau Peranakan.



Meneruskan perjalanan di sepanjang Race Course Road, tumpukan perhatian anda ke sebelah kiri dan anda akan melihat sebuah lorong kecil yang tidak bernama. Di situ, anda akan melihat asal-usul nama jalan ini di dalam bentuk sebuah mural bertajuk **A Ride Through Race Course Road** oleh Jaxton Su. Race course atau padang lumba kuda sebelum ini terletak di Farrer Park Field bertentangan mural tersebut.




Teruskan perjalanan sehingga ke Veerasamy Road dan seberang ke Serangoon Road, untuk ke **Kuil Sri Veeramakaliamman**. Ia asalnya dibina sebagai sebuah kuil oleh pekerja Tamil yang bekerja di kuari batu kapur di kawasan ini. Sebuah lagi kuil Hindu dan satu-satunya kuil India Utara di Singapura, **Kuil Shree Lakshminarayan**, terletak di jalan seterusnya di Chander Road.



Di jalan Hampshire Road, bersebelahan Farrer Park Field, anda akan melihat **Bekas Hospital Kandang Kerbau** (kini bangunan Penggunaan Pengangkutan Darat) yang pernah berkhidmat sebagai hospital awam pada tahun 1900-an. Di belakangnya, anda juga boleh melihat bentuk bangunan baru Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK.



Kemudian teruskan pengembaraan anda ke Rotan Lane untuk melihat **Gereja Methodist Foochow**, yang dibangunkan daripada sebuah misi yang dimulakan pada 1897 bagi pendatang dari Foochow, China. Sesudah itu, kembali ke Serangoon Road dan tuju ke arah **Masjid Angulia** untuk melihat pintu gerbang asal abad ke-19, dan yang kini telah dipulihara.



Di jalan yang sama, anda akan melihat sebuah lagi Monumen Negara, **Kuil Sri Srinivasa Perumal Gopuram** (menara pintu masuk) kuil ini mempunyai ukiran halus yang mempararkan



sebuah cerita mitologi Hindu. Seterusnya di jalur yang sama anda boleh lihat **Kuil Sri Vadapathira Kaliamman** yang mempunyai Vimana (menara berbentuk piramid di atas bahagian kuil utama) yang dihiasi dengan dewa-dewa Hindu.



Kemudian sambung perjalanan anda di Beatty Road ke Race Course Road untuk melihat dua kuil Buddha yang dibina dalam gaya yang berbeza. **Kuil Sakya Muni Buddha Gaya**, yang lebih dikenali sebagai "Kuil Seribu Cahaya", mempunyai patung Buddha setinggi 15 meter manakala **Kuil Leong San See**, yang bermaksud "Kuil Gunung Naga", dikhususkan untuk Dewi Belas Kasihan, Guan Yin.

Anda kini telah menamatkan laluan paling panjang dalam Jejak Warisan Little India! Anda boleh berehat di salah sebuah kedai makan di sepanjang Race Course Road atau mulakan perjalanan pulang dengan menaiki kereta api di stesen MRT Farrer Park.




## Ayah Beli-belah!

30 minit (tidak termasuk masa membeli-belah)

Little India menampilkan banyak perniagaan tradisional yang menawarkan pengalaman yang tidak didapati di tempat lain di Singapura. Jejak ini menawarkan peluang mencuba makanan asli India, membeli pakaian tradisional dan/atau memburu tawaran terbaik di pelbagai kedai di kawasan ini.



Selaras bersih, anda boleh berjalan sepanjang kaki lima Serangoon Road dan menikmati pelbagai kedai tradisional dan moden yang menjual pelbagai barang seperti pakaian dan barang lain. Usah ragu membeli atau sekadar berjalan-jalan di sepanjang taluan ini.




Teruskan perjalanan ke Dunlop Street, di mana letaknya **Haniffa Textiles**, yang terkenal dengan pakaian sari dan fesyen India. Seterusnya di Serangoon Road, anda akan temui **Komala Vilas**, sebuah restoran makanan segera sayur-sayuran atau vegetarian India yang ditubuhkan pada tahun 1947. Anda harus mencuba minuman **Lassi** yang menyegarkan atau menjamu selera di sini jika anda lapar!



Di hadapan, anda akan bertemu **Mustafa Centre**, gedung beli-belah 24 jam pertama di Singapura, yang menawarkan segala-galanya daripada berlian, jam tangan, peranti elektronik, pakaian murah, kuih-muih dan makanan seger. Berbelanjalah sepuas hati anda di sini, dan apabila anda mula rasa letih, seberang jalan ke **Ananda Bhavan**, restoran vegetarian India tertua di Singapura, untuk menikmati snek atau jamuan.





### LITTLE INDIA HERITAGE SITES

- |                        |                              |                              |                               |                                  |                                |                        |                          |                             |                         |
|------------------------|------------------------------|------------------------------|-------------------------------|----------------------------------|--------------------------------|------------------------|--------------------------|-----------------------------|-------------------------|
|                        |                              |                              |                               |                                  |                                |                        |                          |                             |                         |
| Indian Heritage Centre | Little India Arcade          | Former Tekka Market          | Former House of Tan Teng Niah | Shree Lakshminarayana Temple     | Former Kandang Kerbau Hospital | Former Racecourse      | Foochow Methodist Church | Sri Veeramakaliamman Temple | Mahatma Gandhi Memorial |
|                        |                              |                              |                               |                                  |                                |                        |                          |                             |                         |
| Angullia Mosque        | Sri Srinivasa Perumal Temple | Saka Muni Buddha Gaya Temple | Leong San See Temple          | Sri Vadapathira Kaliamman Temple | Kampong Kapor Methodist Church | Former Hong Wen School | Church of the True Light | Abdul Gafoor Mosque         |                         |

### PLACES OF CULTURAL / HISTORICAL SIGNIFICANCE

- |                                  |                          |
|----------------------------------|--------------------------|
| The Ramakrishna Mission (Former) | Dickson Road             |
| Syed Alwi Road                   | Buffalo Road             |
| Kampong Kapor Road               | Campbell Lane            |
| Veerasamy Road                   | Serangoon Road           |
| Belilius Road                    | Ellison Building         |
| Dunlop Street                    | Selegie and Rochor Roads |